



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

#### **PENUBUHAN JAWATANKUASA PERINGKAT TERTINGGI ( HIGH LEVEL COMMITTEE) BAGI MENANGANI ISU DOKTOR KONTRAK.**

Kementarian Kesihatan Malaysia menyedari bahawa isu Doktor Kontrak ini adalah isu yang telah lama diwarisi daripada Kerajaan terdahulu, sejak ia diperkenalkan pada tahun 2016 lagi, akibat dari lambakan keluaran Doktor di pasaran ketika itu.

Isu ini telah diperbincangkan di mesyuarat Kabinet pada 31hb Mac 2023 , yang akhirnya bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (High Level Committee) yang akan menggabungkan beberapa Kementerian dan agensi termasuk Ketua Setiausaha Negara (KSN) bagi menangani isu berkaitan doktor kontrak yang menjadi topik hangat banyak pihak sama ada di media sosial mahupun media arus perdana.

Beberapa hari ini terdapat banyak berita tular menerusi media sosial mengenai jemputan penganjuran mogok dalam kalangan doktor kontrak

yang akan diadakan pada 3 hingga 5 April 2023. Buat masa ini Kementerian Kesihatan tidak mempunyai maklumat lanjut mengenai mogok tersebut. Kementerian Kesihatan berpandangan mogok bukanlah suatu jalan penyelesaian terbaik terhadap apa juga permasalahan yang timbul berkaitan dengan profesion pegawai perubatan atau mana-mana skim profesional yang lain. Sebaliknya perkara ini perlu ditimbang dengan teliti. Hal ini kerana perkhidmatan kesihatan merupakan suatu perkhidmatan yang kritikal, terutama kerana ia melibatkan nyawa manusia dan kesejahteraan rakyat.

Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa telah mengambil tindakan terhadap permasalahan serta permintaan yang ditimbulkan oleh anggota kesihatan. Antaranya adalah mewujudkan perjawatan tetap, memberi penajaan latihan kepakaran atau latihan lanjutan, kenaikan pangkat secara *time-based*, peluang kenaikan ke gred khas dan pengwujudan gred UD56 untuk pakar perubatan dan sebagainya. Skim kesihatan yang lain juga diambil peduli dan ditambah baik.

Kementerian Kesihatan sentiasa peka dengan permasalahan serta permintaan yang ditimbulkan dan memastikan bahawa segala permasalahan dan permintaan ini diteliti sesuai dengan isu semasa serta diberi penyelesaian sewajarnya berdasarkan kepada kemampuan ekonomi negara.

Justeru, Kementerian Kesihatan ingin menekankan bahawa mogok bukan suatu jalan penyelesaian terbaik dan permasalahan yang timbul perlu ditangani dengan penglibatan bersama secara yang lebih profesional dan berhemah. Selaku penjawat awam sama ada berjawatan tetap mahupun kontrak adalah tertakluk kepada integriti penjawat awam dan Etika Perkhidmatan Awam.

**Dr. Zaliha Mustafa**

**Menteri Kesihatan Malaysia**

**1 April 2023**